

NO. SOALAN: 156

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' DR. NIK MAZIAN BIN NIK MOHAMAD
[PASIR PUTEH]**

TARIKH : 16 JUN 2014

RUJUKAN : 6994

SOALAN:

Dato' Dr. Nik Mazian bin Nik Mohamad [Pasir Puteh] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan berapa banyak Kementerian telah membelanjakan kos pembinaan menara tinjau dan bagaimanakah keberkesanan penggunaan menara tersebut untuk kawalan keselamatan jalan raya.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Dalam Negeri (KDN) tidak terlibat dalam pembinaan menara tinjau yang dibina di lebuh raya dan di Jalan-Jalan Persekutuan, pembinaan menara berkenaan dibina oleh Kementerian Kerjaraya (KKR) dan pengendali konsesi-konsesi Lebuh raya. Pembinaan menara berkenaan bertujuan untuk membuat pemantauan di kawasan-kawasan yang dikenalpasti kerap berlaku kemalangan dan juga di tempat-tempat yang sering berlaku kesesakan terutama di musim perayaan dan cuti umum.

Pembinaan menara berkenaan boleh membantu pihak polis untuk melihat secara lebih jelas pergerakan kenderaan melalui daratan apabila berlaku kesesakan di samping menunjukkan kehadiran polis di tempat yang berisiko tinggi berlaku kemalangan. Pembinaan menara tinjau berkenaan boleh menjimatkan perbelanjaan bagi mengawal lalulintas daripada membuat pemerhatian melalui udara yang menelan kos yang tinggi.

Namun demikian penggunaan menara tinjau kurang digunakan disebabkan atas faktor berikut:-

- i) Menara yang dibina terlalu tinggi dan boleh membahayakan kepada petugas memandangkan struktur binaannya bukan dibuat secara konkrit di samping kesukaran anggota bertugas untuk menaiki dengan membawa bersama peralatan.**

- ii) Tiada ruang yang tertutup bagi mengelak hujan dan panas untuk petugas berteduh dan meyimpan peralatan yang digunakan daripada terkena air.**

- iii) Tiada penyelenggaraan dibuat selepas pembinaannya, keadaan ini boleh mengundang bahaya kepada petugas jika menara berkenaan mengalami kerosakan.**